

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
DI PADANG MPSP, BUTTERWORTH, PULAU PINANG
31 JULAI 2007

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG AMAT BERHORMAT TAN SRI DR. KOH TSU KOON, KETUA MENTERI PULAU PINANG, SERTA MENTERI BESAR PERLIS, MENTERI BESAR KEDAH DAN MENTERI BESAR PERAK

YANG BERHORMAT MENTERI-MENTERI KABINET

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI PARLIMEN SERTA AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIA-NYA KITA DAPAT BERKUMPUL UNTUK MENYAKSIKAN MAJLIS PELANCARAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG. SESUNGGUHNYA, MAJLIS INI MERUPAKAN DETIK PERMULAAN BAGI SATU PROGRAM PEMBANGUNAN YANG AMAT PENTING DAN BERMAKNA BAGI NEGARA KITA, DAN BAGI WARGA PULAU PINANG KHUSUSNYA.

2. SEMASA PEMBENTANGAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN TAHUN LALU, KERAJAAN TELAH BERJANJI UNTUK MEMAJUKAN BEBERAPA KORIDOR WILAYAH PEMBANGUNAN SEBAGAI USAHA UNTUK MENGURANGKAN JURANG ANTARA KAWASAN BANDAR DENGAN LUAR BANDAR DAN ANTARA WILAYAH DI DALAM NEGARA.

3. SEPERTIMANA SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM, SAYA TELAH MELANCARKAN RANGKA TINDAKAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA DI ALOR SETAR PAGI SEMALAM. PROGRAM PEMBANGUNAN INI ADALAH USAHA BERSAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI PERLIS, KEDAH, PULAU PINANG DAN PERAK UNTUK MEMPERCEPATKAN TAHAP PEMBANGUNAN KAWASAN UTARA MALAYSIA.

4. KONSEP KORIDOR UTARA INI BERDASARKAN KESEDARAN BAHAWA PEMBANGUNAN AKAN TERLAKSANA DENGAN LEBIH TERATUR DAN PANTAS JIKA POTENSI SETIAP NEGERI DIGEMBELING BERSAMA. SAYA TELAHPUN MENYATAKAN BAHAWA SETIAP NEGERI MEMPUNYAI KEKUATANNYA TERSENDIRI; DAN SAYA

PERCAYA SEKIRANYA KEKUATAN NEGERI-NEGERI UTARA INI DAPAT DIGABUNGAN, MAKA DAYA SINERGI YANG DIHASILKAN AKAN MEMBAWA KEMAJUAN YANG LEBIH PESAT KEPADA SEMUA RAKYAT DI KAWASAN UTARA.

5. BAGI KORIDOR UTARA, SEKTOR-SEKTOR YANG AKAN DIPROMOSIKAN ADALAH PERTANIAN, PEMBUATAN, PELANCONGAN, DAN PERKHIDMATAN LOGISTIK. PENDEKATAN YANG DIAMBIL AKAN TERTUMPU KEPADA USAHA MENINGKATKAN MODAL INSAN DAN MENAMBAHBAIK INFRASTRUKTUR, SERTA MENYALURAN PAKEJ INSENTIF DAN KEWANGAN YANG BERSESUAIAN. DENGAN ADANYA PELUANG-PELUANG KOMERSIL BARU YANG AKAN TERCETUS INI, MAKA SAYA PERCAYA PERTUMBUHAN EKONOMI DI WILAYAH UTARA AKAN DAPAT DIRANGSANGKAN, SEKALIGUS MENINGKATKAN PENDAPATAN DAN KUALITI HIDUP RAKYAT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

6. JIKA DILIHAT SECARA HOLISTIK, PROGRAM PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA DIJANGKA DAPAT MENCETUS PENINGKATAN AKTIVITI EKONOMI DENGAN KETARA. INI BERMAKNA KUANTITI PRODUK YANG DIHASILKAN DARI AKTIVITI PERTANIAN, PEMBUATAN, DAN PEMROSESAN JUGA AKAN BERTAMBAH DENGAN PESAT. PERGERAKAN PEKERJA KE PUSAT-PUSAT KOMERSIL DI SEKITAR KORIDOR UTARA JUGA AKAN BERTAMBAH.

7. DENGAN ITU, SEBAGAI SEBUAH WILAYAH YANG AKAN BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT LAGI, KORIDOR UTARA DIJANGKA AKAN MEMERLUKAN SEBUAH PUSAT LOGISTIK YANG MAMPU MENGGERAKKAN TENAGA PEKERJA, MAMPU MENYALURKAN BAHAN MENTAH YANG DIIMPORT UNTUK DIPROSES, SERTA MAMPU MELICINKAN PERGERAKAN BARANGAN SIAP KE DESTINASI AKHIR. LEBIH-LEBIH LAGI, PRODUK-PRODUK YANG DIHASILKAN DARI KAWASAN PERTANIAN, PEMBUATAN SERTA PEMROSESAN KORIDOR UTARA PERLU DISALURKAN SECARA EFISYEN KE PASARAN DOMESTIK DAN EKSPORT. PADA PANDANGAN SAYA, DENGAN ADANYA RANGKAIAN LOGISTIK YANG BERSEPADU, PRODUK-PRODUK YANG DIHASILKAN INI AKAN MENDAPAT PASARAN YANG LUAS DAN PULANGAN YANG TERBAIK.

8. DENGAN ITU, SUKACITA SAYA MENGUMUMKAN BAHAWA PULAU PINANG TELAH DIPILIH SEBAGAI HAB LOGISTIK BAGI WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA. PADA HARI INI, PULAU PINANG MERUPAKAN SEBUAH NEGERI YANG MEMPUNYAI KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR LOGISTIK YANG BERMUTU. INI TERMASUKLAH PROKSIMITI KEPADA LEBUHRAYA UTARA-SELATAN; JAMBATAN PULAU PINANG; PELABUHAN LAUT DALAM; DAN, LAPANGAN TERBANG BERTARAF ANTARABANGSA.

9. NAMUN, WALAUPUN INFRASTRUKTUR LOGISTIK PULAU PINANG BERADA PADA TAHAP YANG AGAK BAIK BUAT MASA INI, SAYA PERCAYA PENINGKATAN AKTIVITI EKONOMI DI MASA HADAPAN AKAN MENAMBAH BEBAN DAN TEKATAN KE ATAS INFRASTRUKTUR TERSEBUT. SEBAGAI CONTOH, SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA KEUPAYAAN PELABUHAN SEDIA ADA TIDAK DAPAT MENAMPUNG KAPAL-KAPAL KONTENA MODEN YANG TERBESAR, DAN TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENGENDALI ALIRAN KONTENA YANG DIJANGKA MENINGKAT. DARI SEGI PENGANGKUTAN UDARA PULA, KAPASITI LAPANGAN TERBANG BAYAN LEPAS PERLU DIPERTINGKATKAN UNTUK MENGENDALI JUMLAH PENUMPANG DAN KARGO YANG DIJANGKA MENINGKAT. MALAH, KECEKAPAN PERKHIDMATAN LOGISTIK SOKONGAN SEPERTI PENGANGKUTAN DARAT JUGA PERLU DITINGKATKAN.

10. OLEH YANG DEMIKIAN, TERAS PEMBANGUNAN UTAMA NEGERI PULAU PINANG DI DALAM KONTEKS KORIDOR UTARA ADALAH UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAANNYA SEBAGAI HAB LOGISTIK WILAYAH INI. USAHA INI MERANGKUMI IMPLEMENTASI PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI DAN JARINGAN RANGKAIAN INFRASTRUKTUR LOGISTIK SECARA BERSEPADU DI PULAU PINANG. SAYA DIFAHAMKAN USAHA-USAHA PENINGKATAN INI TELAH DIRUMUS KHAS UNTUK MEMBAWA MANFAAT KEPADA SEKTOR KOMERSIL DAN JUGA BUAT RAKYAT JELATA.

11. SAYA YAKIN PENINGKATAN INFRASTRUKTUR LOGISTIK YANG AKAN DILAKSANAKAN INI AKAN MENJADIKAN PULAU PINANG SEBAGAI GERBANG KORIDOR UTARA, ATAU "GATEWAY TO THE NORTHERN CORRIDOR". TAMBAHAN LAGI, DENGAN INFRASTRUKTUR LOGISTIK YANG LEBIH CANGGIH, PULAU PINANG AKAN MENGUKUHKAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI HAB LOGISTIK TERBAIK BAGI SEGITIGA PEMBANGUNAN INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND (I.M.T-G.T.).

12. BAGI PELABUHAN PULAU PINANG, IA AKAN DIPROMOSIKAN SEBAGAI PELABUHAN UTAMA KORIDOR UTARA DAN I.M.T-G.T.. JUSTERU, KEMUDAHAN PELABUHAN AKAN DIPERTINGKATKAN UNTUK MENGENDALI JUMLAH KONTERNA YANG LEBIH TINGGI DAN KAPAL KONTERNA YANG LEBIH BESAR. LAPANGAN TERBANG BAYAN LEPAS JUGA AKAN DIKENALI SEBAGAI HAB KARGO UDARA UTAMA, DAN AKAN DIGUNAKAN BAGI MENGENDALI EKSPORT MAKANAN MUDAH ROSAK BERMUTU TINGGI. SELAIN ITU, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG AKAN DITAMBAHBAIK DI BAYAN LEPAS TERMASUKLAH PEMBINAAN TERMINAL PENUMPANG DAN KARGO YANG BARU SERTA LANDASAN TAMBAHAN BAGI MENAMPUNG PERGERAKAN UDARA YANG SEMAKIN PESAT.

13. UNTUK KEMUDAHAN PENDUDUK PULAU PINANG PULA, BEBERAPA PROJEK PENGANGKUTAN AWAM AKAN TURUT DILAKSANAKAN. KEUTAMAAN PROJEK-PROJEK INI ADALAH UNTUK MENAIK TARAF KEMUDAHAN PERHUBUNGAN BAGI SELURUH NEGERI PULAU PINANG, BAGI MEMUDAHKAN ORANG RAMAI BERULANG-ALIK DENGAN CEPAT DAN SELESA.

14. PERTAMA, PERKHIDMATAN BAS AWAM RAPIDPENANG DI PULAU PINANG TELAH BERJAYA DIPERKENALKAN DALAM MASA YANG SINGKAT HASIL DARI KERJASAMA ERAT ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI. PERKHIDMATAN BAS INI MERUPAKAN SALAH SATU USAHA KERAJAAN UNTUK MENAWARKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERKUALITI, SELESA, SISTEMATIK DAN EFISYEN KEPADA MASYARAKAT PULAU PINANG.

15. KEDUA, PERKHIDMATAN FERI LAJU BAGI KEGUNAAN ORANGRAMAI DAN MOTOSIKAL AKAN DIPERKENALKAN PADA TAHUN 2008 SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA PERKHIDMATAN FERI SEDIA ADA. SELAIN ITU, PENGKALAN TERMINAL FERI DI BUTTERWORTH DAN DI SEBELAH PULAU JUGA AKAN DINAIKTARAF.

16. KETIGA, PROJEK PENANG SENTRAL AKAN DILAKSANAKAN SEBAGAI PERKONGSIAN ANTARA MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD (M.R.C.B.) DAN PELABURAN HARTANAH BUMIPUTERA BERHAD. PROJEK INI MELIBATKAN PEMBINAAN SEBUAH HAB PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK YANG MENINGTEGRASIKAN SEMUA JENIS PENGANGKUTAN REL, FERI, MONOREL DAN DARAT. PENANG SENTRAL AKAN MELIPUTI KAWASAN SELUAS 6 JUTA KAKI PERSEGI YANG MERANGKUMI PEMBINAAN TERMINAL BERSEPADU PENGANGKUTAN, PEMBANGUNAN KOMERSIL, PERUNCITAN DAN PERUMAHAN. DENGAN PROJEK PENANG SENTRAL INI, PENDUDUK PULAU PINANG DAN WARGA KORIDOR UTARA

AKAN MENIKMATI SISTEM PENGANGKUTAN YANG BERKUALITI, SELAMAT DAN EFISIEN, UNTUK KEPERLUAN PERJALANAN, PEKERJAAN, PELANCONGAN, PERINDUSTRIAN DAN JUGA PERNIAGAAN. MALAH, SAYA PERCAYA PROJEK INI AKAN MENUKAR WAJAH KAWASAN SEKITAR BUTTERWORTH; MENJADIKANNYA LEBIH MODEN DAN METROPOLITAN. DI SAMPING ITU, KERAJAAN JUGA AKAN MEMBANGUNKAN SEMULA KAWASAN SWETTENHAM PIER DI BAHAGIAN PULAU SEBAGAI KAWASAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM DAN KOMERSIL YANG BARU.

17. KEEMPAT, SISTEM PENGANGKUTAN NEGERI PULAU PINANG AKAN DIMANTAPKAN LAGI DENGAN CADANGAN KERAJAAN UNTUK MEMBINA SISTEM TRANSIT PENANG MONOREL. SISTEM PENGANGKUTAN PENANG MONOREL INI AKAN DIBINA SEPANJANG KIRA-KIRA 37 KILOMETER, DAN DIJANGKA MENJADI TUNJANG SERTA NADI KEPADA SISTEM PENGANGKUTAN NEGERI. SAYA BERASA YAKIN DENGAN ADANYA PENGANGKUTAN PENANG MONOREL INI, KESESAKAN LALU LINTAS DI KAWASAN PULAU DAN SEBERANG PERAI AKAN DAPAT DIKURANGKAN. DENGAN ITU, PENDUDUK PULAU PINANG AKAN DAPAT MENERUSKAN PERJALANAN KE NEGERI-NEGERI LAIN, TERUTAMANYA KE KAWASAN LAIN DI KORIDOR UTARA, DENGAN LEBIH MUDAH LAGI.

18. ADALAH DIHARAPKAN DENGAN INISIATIF UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN INFRASTRUKTUR LOGISTIK INI, PULAU PINANG AKAN DAPAT MEMAINKAN PERANANNYA SEBAGAI PUSAT LOGISTIK KORIDOR UTARA DENGAN SEBAIK MUNGKIN. PADA HEMAT SAYA, PERANAN YANG PERLU DIMAINKAN OLEH PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT LOGISTIK INI AMATLAH PENTING, KERANA IANYA ADALAH FAKTOR KRITIKAL DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN KESELURUHAN PROGRAM KORIDOR UTARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

19. SATU LAGI TERAS PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA YANG AKAN DIJALANKAN DI PULAU PINANG ADALAH USAHA UNTUK MENINGKATKAN SEKTOR PEMBUATAN, TERUTAMANYA MELALUI PENINGKATAN KEUPAYAAN PEKERJA TEMPATAN DALAM SEKTOR ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (E.&E.). DALAM HAL INI, PEKERJA TEMPATAN PERLU DIBERI KEUPAYAAN UNTUK MENGHARUNGI FASA BARU SEKTOR PEMBUATAN, DENGAN MEMPERKUKUHKAN KEMAMPUAN INOVASI DAN R.&D. MEREKA.

20. UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INI, SEBUAH PUSAT KECEMERLANGAN MIKRO-ELEKTRONIK AKAN DITUBUHKAN DI KAWASAN KAMPUS UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (U.S.M.). PUSAT KECEMERLANGAN INI MERUPAKAN PERKONGSIAN ANTARA SEKTOR AWAM DAN SEKTOR SWASTA, DAN MELIBATKAN PARA FAKULTI DARI KALANGAN PESERTA INDUSTRI E.&E..

21. PUSAT KECEMERLANGAN INI AKAN DIGUNAKAN BAGI MEMBINA UPAYA PEKERJA TEMPATAN AGAR MEREKA DAPAT MEMBUAT PERALIHAN DARI AKTIVITI PEMBUATAN DAN PEMASANGAN BERTAHAP RENDAH, KEPADA AKTIVITI TAMBAH NILAI BERTEKNOLOGI TINGGI, SEPERTI REKA BENTUK ALAT SILIKON, ROBOTIK DAN ELEKTRONIK SERTA PENGURUSAN RANGKAIAN PEMBEKALAN YANG EFISIEN. UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF INI, PUSAT KECEMERLANGAN INI AKAN BEKERJA RAPAT DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT M.N.C. MELALUI PERKONGSIAN R.&D., SERTA AKAN MENYEDIAKAN LATIHAN VOKASIONAL BERPANDUKAN PERMINTAAN INDUSTRI.

22. ADALAH DIHARAPKAN DENGAN ADANYA PERSEPAKATAN YANG ERAT ANTARA INSTITUSI R.&D. DAN PESERTA INDUSTRI, PARA PEKERJA TEMPATAN AKAN DAPAT MENINGKATKAN TAHAP KECEKAPAN SERTA NILAI TAMBAH PENGELUARAN MEREKA. DI SAMPING ITU, SAYA BERHARAP PROGRAM PEMBANGUNAN INI AKAN MENGHASILKAN KEPELBAGAIAN PRODUK YANG LEBIH LUAS, HASIL PERKONGSIAN R.&D. YANG LEBIH ERAT, DI DALAM BIDANG-BIDANG SEPERTI KOMPONEN KENDERAAN SERTA PERALATAN ELEKTRIKAL, PERUBATAN, TELEKOMUNIKASI DAN SEBAGAINYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

23. INDUSTRI PELANCONGAN MERUPAKAN SATU AKTIVITI YANG TIDAK ASING LAGI KEPADA NEGERI PULAU PINANG. NAMUN, CABARAN KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN DI PULAU PINANG DAN KORIDOR UTARA ADALAH BAGAIMANA UNTUK MENINGKATKAN HASIL YANG DIKUTIP DARI PARA PELANCONG.

24. DENGAN YANG DEMIKIAN, TERAS PEMBANGUNAN YANG MELIBATKAN PELANCONGAN DI KORIDOR UTARA TERTUMPU KEPADA USAHA UNTUK MEMANJANGKAN TEMPOH PERCUTIAN PARA PELANCONG, SERTA UNTUK MENYEDIAKAN PRODUK UNIK YANG DAPAT MENINGKATKAN PERBELANJAAN MEREKA.

25. BAGI NEGERI PULAU PINANG KHUSUSNYA, PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN YANG AKAN DIJALANKAN TERMASUKLAH MEMPROMOSI PULAU PINANG SEBAGAI DESTINASI PERSIDANGAN DAN PAMERAN ANTARABANGSA (M.I.C.E.), DAN MEMPERKUKUHKAN PULAU PINANG SEBAGAI SEBUAH HAB PELANCONGAN PERUBATAN SERANTAU.

26. UNTUK MEMPROMOSI AKTIVITI M.I.C.E. DI PULAU PINANG, SEBUAH KAWASAN DI PUSAT BANDAR YANG DAHULUNYA MENJADI MILIK 'TURF CLUB' AKAN DIBANGUNKAN SEBAGAI PUSAT PERSIDANGAN DAN PAMERAN ANTARABANGSA. PROJEK INI AKAN MENGAMBIL NAMA "PENANG CITY CENTRE" , DAN AKAN DIREKABENTUK DENGAN DUA BUAH MENARA IKONIK, SERTA MEMPUNYAI KOMPLEKS MEMBELI BELAH YANG UNGGUL DAN SEBUAH PANGGUNG KESENIAN YANG CANGGIH. SELAIN ITU, PROJEK INI AKAN MELIBATKAN PEMBANGUNAN SEBUAH TAMAN DI PUSAT BANDAR PULAU PINANG YANG AKAN MENGHUBUNGKAN TAMAN BELIA DAN TAMAN BOTANI. SAYA DIFAHAMKAN PROJEK INI TELAH DIREKA OLEH PARA AKITEK YANG TERULUNG, DAN AKAN MEWUJUDKAN 5 RIBU PELUANG PEKERJAAN PEMBINAAN SERTA 2 RIBU PELUANG PEKERJAAN PERKHIDMATAN SAMPINGAN. SAYA YAKIN APABILA PROJEK INI DISIAPKAN DALAM TEMPOH 15 TAHUN KELAK, IA AKAN MENJADI SEBUAH MERCU TANDA YANG PENTING BAGI WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA.

27. DARI SEGI PELANCONGAN PERUBATAN, KEKUATAN PULAU PINANG DI DALAM BIDANG INI AKAN DITINGKATKAN LAGI. ANTARA LAIN, PULAU JEREJAK AKAN DIBANGUNKAN UNTUK MENJADIKANNYA SEBUAH PUSAT PELANCONGAN PERUBATAN TERULUNG DI RANTAU INI. PAKEJ INSENTIF YANG SESUAI AKAN DISEDIAKAN UNTUK MEMBANGUNKAN INDUSTRI INI SECARA KESELURUHANNYA, YANG BERUPAYA MENJADIKAN INDUSTRI INI SEBUAH ENJIN PERTUMBUHAN BAGI KORIDOR UTARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

28. USAHA PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMBAWA PERMUAFAKATAN YANG LEBIH ERAT ANTARA PIHAK KERAJAAN DAN SWASTA. SAYA PERCAYA PENINGKATAN PENYERTAAN SEKTOR KORPORAT DI DALAM KORIDOR UTARA AKAN MERANCAKKAN LAGI PROGRAM PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI INI.

29. DI DALAM HAL INI, SUKACITA SAYA MENGUMUMKAN BAHAWA KHAZANAH NASIONAL BERHAD TELAH MEMBUKA PEJABAT OPERASI WILAYAH UTARA MEREKA DI PULAU PINANG, BAGI MEMUDAHKAN PELABURAN G.L.C. DAN SEKTOR KORPORAT DI KORIDOR UTARA. DI SAMPING MENJADI SALAH SATU PELABUR STRATEGIK, KHAZANAH JUGA AKAN MEMBANTU MEMUDAHKAN PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR EKONOMI DI KORIDOR UTARA MELALUI PELABURAN SASARAN SERTA MELALUI GALAKAN PELABURAN BAGI SEKTOR KORPORAT. DALAM KONTEKS INI, TUMPUAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PENGUKUHAN SEKTOR PERTUMBUHAN SEDIA ADA SEPERTI PEMBUATAN BERASASKAN TEKNOLOGI, INDUSTRI PEMROSESAN ASAS TANI, PELANCONGAN DAN PERKHIDMATAN LOGISTIK. PADA MASA YANG SAMA, PELABURAN DALAM SEKTOR BARU SEPERTI BIOTEKNOLOGI DAN PERNIAGAAN ASAS TANI AKAN TURUT DIGALAKKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

30. WALAUPUN PEMBIAYAAN PEMBANGUNAN MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB KERAJAAN DAN SYARIKAT SWASTA YANG DITENTUKAN, PERANAN PENDUDUK TEMPATAN AMATLAH KRITIKAL. INI ADALAH KERANA PENDUDUK TEMPATAN MERUPAKAN MODAL INSAN YANG PENTING BAGI MENJAYAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN INI. DALAM ERTIKATA LAIN, PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA HANYA AKAN BERJAYA DENGAN PENYERTAAN BERSEPADU SELURUH WARGA WILAYAH UTARA.

31. OLEH ITU, SAYA BERHARAP SELURUH RAKYAT NEGERI PULAU PINANG AKAN MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN INI. PADA PANDANGAN SAYA, PROGRAM PEMBANGUNAN SEBESAR INI MEMERLUKAN PENYERTAAN MODAL INSAN KELAS PERTAMA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG TELAH DISASARKAN. DI SAMPING ITU, DENGAN TERBUKANYA PELBAGAI PELUANG DAN AKTIVITI EKONOMI DI KORIDOR UTARA, SAYA BERHARAP TIADA SESIAPAPUN DI KALANGAN WARGA PULAU PINANG YANG AKAN KETINGGALAN DARI MENYERTA TRANSFORMASI SOSIO-EKONOMI INI.

32. AKHIR SEKALI, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN MAJLIS PELANCARAN INI, TERUTAMANYA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN, SERTA SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA YANG DITERAJUI OLEH KUMPULAN SIME DARBY DAN M.R.C.B..

33. MAKA DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG.

SEKIAN, TERIMA KASIH.